

Koperasi mahasiswa

Oleh Basir Zahrom
basir@mediaprima.com.my

Serdang

Perniagaan koperasi Kolej Kelima Universiti Putra Malaysia (UPM) banyak memberi pendedahan dan pengalaman berniaga kepada penghuni kolej itu terutama yang terbabit secara langsung dalam operasinya.

Koperasi diberi nama 'VSTARZ' itu dibuka oleh mahasiswa untuk mahasiswa kolej terbabit dengan sokongan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM sejak 2010 termasuk pendedahan dalam aspek keusahawanan menerusi program disediakan.

Pengurus Operasi dan Stok VSTARZ, Zakiah Adun (gambar), 23, berkata koperasi itu dibuka hasil usaha pelajar terdahulu yang mengambil alih tapak perniagaan peniaga dari luar untuk dijadikan kios menjual barang keperluan harian, makanan, perkhidmatan percetakan, fotostat, tambah nilai jalur lebar serta prabawa telefon.

"Dulu orang luar yang berniaga di tapak ini, manakala senior kami hanya berniaga makanan pahas di belakang koperasi ini dengan skala kecil pada 2010. Selepas diberikan peluang berniaga di sini, senior kami merekrut penghuni yang berminat dalam perniagaan untuk menjadi kru atau pekerja di koperasi

ini termasuklah kami yang menyertai sekretariat keusahawanan kolej ini.

"Kini apabila pelajar senior berada di tahun akhir, kami diberi amanah untuk menjalankan operasi VSTARZ," katanya ketika ditemui di koperasi kolej berkenaan, di sini, baru-baru ini.

Pulangan membanggakan

Zakiah berkata, selepas masuk tahun ketiga beroperasi, VSTARZ boleh dikatakan sudah mencapai tahap membanggakan apabila mampu meraih keuntungan bersih sekitar RM700 ke RM900 sebulan.

"Keuntungan diraih akan kami jadikan sebagai modal pusingan untuk membeli stok baru dan menjadi dana untuk pengajuran aktiviti kolej ini. Lokasi strategik kios ini menjadi tarikan pelajar untuk datang sama ada membeli makanan atau barang keperluan.

"Koperasi ini terletak di laluan ke medan selera, jadi



Penuntut UPM daripada Kolej Kelima menguruskan Kiosk V-Starz

[FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN/ BH]

ia sering dikunjungi penghuni yang lalu lalang sama ada baru balik dari kuliah atau dalam perjalanan ke tempat menunggu bas. Diharap kami mampu meraih RM10,000 semester ini supaya dapat menjalankan lebih banyak

aktiviti kolej," katanya.

Pendedahan berniaga

Zakiah berkata, penghuni yang terbabit dengan operasi VSTARZ sememangnya mendapat pendedahan berguna dalam bidang perniagaan.

Katanya, bagi melicinkan operasi, pihaknya mewujudkan jawatan pengurus, bendahari (dua orang), setiausaha, pengurus operasi dan stok, pengurus sumber manusia serta kru VSTARZ (pekerja sambilan) yang dipantau oleh kolej terbabit selain Majlis Tertinggi Mahasiswa keusahawanan kolej kelima.

"Kios ini beroperasi dari 8.30 pagi hingga 10.30 malam dikendalikan seorang kru sambilan yang terdiri daripada penghuni kolej ini. Mereka dibayar RM2.50 sejam untuk

menguruskan operasi koperasi ini selama dua jam secara bergilir-gilir dengan kru lain mengikut jadual ditetapkan.

Kru profesional

"Kami menemuramah kru sebelum mengambil mereka mengendali koperasi ini, antara kriteria yang ditetapkan ialah sesi mereka sanggup bekerja di bawah tekanan, bijak mengurus masa, mempunyai pengalaman berniaga dan latar belakang keluarga berpendapatan rendah. Jika ada yang datang kepada kami mahu menjadi kru sekadar hendak menambah markah merit kolej, kami tidak akan

ambil sebagai kru," katanya.

Selepas berpengalaman lebih dua tahun mengendali VSTARZ, Zakiah mengakui menghadapi pelbagai cabaran dalam perniagaan jenis itu, namun itu semua dianggapnya sebagai pengalaman serta proses pembelajaran.

"Kerenah pelanggan pelajar antarabangsa, pembekal, kesibukan pada waktu puncak perlu ditangani dengan bijak sesiapa yang bertugas mengendalikan koperasi ini sebab itu kami mahu kru yang cekap, oleh itu kami boleh memberi tumpuan kepada bahagian pengurusan saja," katanya.

